


LAPORAN TAHUNAN 2006

Annual
Report



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

PERBADANAN كمالجوان اقتصاد نكري كالنتن
Kelantan State Economic Development Corporation



KANDUNGAN

CONTENTS

Misi & Falsafah Korporat <i>Corporate Mission And Philosophies</i>	2
Ahli Lembaga Pengarah <i>Board of Directors</i>	5
Struktur Organisasi PKINK <i>PKINK Organisation Structure</i>	6
Kumpulan Pengurusan <i>Management Team</i>	8
Perutusan Pengerusi <i>Chairman's Statement</i>	9
Peristiwa Korporat <i>Corporate Event</i>	24
Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 <i>Financial Statements for the year Ending 31st December 2006</i>	33

MISI KORPORAT

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam meneraju pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan ummah.

CORPORATE MISSION

A Corporate body, operates on Islamic principles with responsibilities in spearheading economic development for the prosperity of the ummah.

FALSAFAH KORPORAT

- Mewujudkan komitmen yang tinggi untuk membangun dan meningkatkan kesejahteraan sosio ekonomi negeri serta rakyatnya.
- Membangunkan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang berjaya di Malaysia dengan tumpuan khusus diberikan kepada sektor hartanah, perladangan dan industri berasaskan tanl.
- Mensasarkan pertumbuhan yang mapan dengan menceburi perniagaan yang memiliki kelebihan daya saing, di samping mengekalkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat.
- Menggalakkan aktiviti komersil serta mewujudkan peluang pekerjaan di samping membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kerjasama antara sektor kerajaan, pihak swasta dan masyarakat keseluruhannya.
- Menghormati setiap pelanggan dan membalas kesetiaan mereka dengan perkhidmatan yang baik dan produk yang berkualiti melalui dedikasi yang unggul.
- Berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam sebagai prinsip dan panduan ke arah mencapai matlamat korporat dan untuk kesejahteraan ummah.
- Menghasilkan kumpulan kerja yang berkualiti melalui pengwujudan persekitaran kerja yang menjamin peningkatan dan perkembangan peluang kerjaya, di samping menggalakkan semangat berkumpulan serta mewujudkan sikap saling hormat-menghormati dan mempercayai di setiap peringkat dalam organisasi

CORPORATE PHILOSOPHY

- To be fully committed in developing and uplifting to socio-economic well-being of the State and its citizens.
- To develop Kelantan into Malaysia's most successful state with special focus on property, plantation and agro-industries
- To pursue a sustainable growth and to venture into businesses in which Kelantan has a competitive advantage, while maintaining a sense of responsibility towards the public.
- To encourage commercial activities and to create job opportunities while helping to promote economic growth and enhancing working relationship between the government sector, private sector and public at large.
- To respect our customers and to reward their loyalty with superior service and best quality products through our dedication to excellence.
- To uphold Islamic value as the guiding principles towards achieving corporate goals and 'The Prosperity of the Ummah'.
- To produce a quality work-force by creating a conducive environment which will guarantee job enrichment and career advancement. An environment that will foster a spirit of teamwork, trust and mutual respect at every level within the organization.



PENGERUSI CHAIRMAN



YAB TUAN GURU DATO' HJ. NIK ABDUL AZIZ BIN HJ. NIK MAT

Menteri Besar Kelantan *Chief Minister of Kelantan*

Pengerusi *Chairman*

AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS

AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS


PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN 2006

1. **YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat**
Menteri Besar Kelantan *Chief Minister of Kelantan*
Pengerusi *Chairman*
2. **YB Dato' Haji Ahmad bin Yakob**
Timbalan Menteri Besar Kelantan *Deputy Chief Minister of Kelantan*
Timbalan Pengerusi *Deputy Chairman*
3. **YB Dato' Haji Mohd Aiseri bin Alias**
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan *Kelantan State Secretary*
Ahli *Member*
4. **YB Dato' Haji Shkori bin Mohamed**
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan *Kelantan State Finance Officer*
Ahli *Member*
5. **YB Dato' Haji Husam bin Musa**
Exco Kerajaan Negeri Kelantan *Kelantan State Exco*
Ahli *Member*
6. **YB Haji Zulkifli bin Mamat**
Exco Kerajaan Negeri Kelantan *Kelantan State Exco*
Ahli *Member*
7. **YBhg. Datuk Haji Rameli bin Musa**
Ahli Perniagaan *Businessman*
Ahli *Member*
8. **YBhg. Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias**
Ahli Perniagaan *Businessman*
Ahli *Member*
9. **YBrs. Haji Azmi bin Mohd Ali**
Ahli Perniagaan *Businessman*
Ahli *Member*
10. **YBhg. Datuk R. Karunakaran Ramasamy**
Ketua Pengarah MIDA *MIDA Director General*
Ahli *Member*
11. **YBrs. Encik Zainuddin bin Ahmad**
Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi
Ministry of Entrepreneurs and Co-operative Development
Ahli *Member*
12. **YBrs. Haji Awang bin Che Seman**
Kementerian Kewangan *Ministry of Finance*
Ahli *Member*



AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS



YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik
Abdul Aziz Bin Haji Nik Mat
Pengerusi
Chairman



YB Dato' Haji Ahmad
Bin Yakob
Timbalan pengerusi
Deputy Chairman



YB Dato' Haji Mohd. Aiseri
Bin Haji Alias
Ahli
Member



YB Dato' Haji Shkari
Bin Mohamed
Ahli
Member



YB Dato' Haji Husam Bin Musa
Ahli
Member



YB Haji Zulkifli Bin Mamat
Ahli
Member



YBhg. Datuk Haji Rameli
Bin Musa
Ahli
Member



YBhg. Datuk Dr. Abdul Samad
Bin Hj. Alias
Ahli
Member



YBrs. Haji Azmi
Bin Mohd. Ali
Ahli
Member



YBhg. Datuk R. Karunakaran
Ramasamy
Ahli
Member




YBrs. Encik Zainuddin
Bin Ahmad
Ahli
Member



YBrs. Haji Awang Bin Che Seman
Ahli
Member

STRUKTUR ORGANISASI PKIK

KSEDC ORGANISATION STRUCTURE



KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE



HAJI WAN YAHYA BIN WAN SALLEH

KUMPULAN PENGURUSAN

MANAGEMENT TEAM



H. Wan Yusoff bin Wan Saleh
Ketua Eksekutif
Chief Executive



H. Mohd Suhaimi bin Hussin
Timbalan Ketua Eksekutif (P&D)
Berkuatkuasa 31 Mac 2006
Deputy CEO
(Planning & Development)



H. Abu bin Saleh
Timbalan Ketua Eksekutif (P&D)
Mula 1 April 2006
Deputy CEO
(Planning & Development)



H. Wan Adnan bin Wan Abu Kadir
Timbalan Ketua Eksekutif (H&C)
Deputy CEO
(Customer Care)



P. M. Hajar Roszali bin Kadir
Pengurus Kawangan
Finance Manager



H. Mohd Suhaimi bin Ibrahim
Pengurus Perancangan Projek
Project Planning Manager



H. Zaini bin Ali
Pengurus Khidmat Teknikal
Technical Services Manager



H. Mohamad Awi bin Yusoff
Pengurus Pembangunan Usahawan
Enterprise Development Manager



H. Mohamad Faisal bin Deraman
Pengurus Audit Dalam & Kejurangan
Internal & Procurement Manager



H. Saenuddin bin Haniffa
Pengurus Solusian Industri & R&D
Industrial/ Business & SW Manager



Mohd Fazel bin H. Yusoff
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia
Human Resource
Management Manager



H. Md. Saiful bin Ismail
Pengurus Projek & Perkhidmatan
Project & Contract Manager



H. Nik Mohd. Kamal bin Nik Yusoff
Pengurus Sistem Pengurusan Maklumat
Management Information System Manager



Jambari bin Abdillah
Pengurus Projek Khas
Special Project Manager



H. Mohamad Naim bin Naim
Pengurus Pengurusan R&D & R&D
Industrial/ Business Manager



Mohd Adnan bin Md Yusoff
Pegawai Khas
Ketua Kanan Eksekutif
Special Officer in Charge

PERUTUSAN PENGERUSI

Segala puji itu hanya tertentu bagi Allah S.W.T Pemilik Kerajaan Langit dan Bumi. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan restu dan limpah izin-Nya saya mewakili ahli-ahli Lembaga PKINK dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan PKINK dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2006.

Tahap pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan banyak dipengaruhi oleh pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi negara. Momentum pertumbuhan negara yang kekal kukuh disokong dengan permintaan domestik yang teguh dan prestasi eksport yang baik telah membolehkan ekonomi negara terus berkembang walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi negara yang baik sebanyak 5.8% bagi tahun 2006 turut mendorong pertumbuhan ekonomi yang positif bagi negeri Kelantan.

Namun, kesan ekonomi global dan kenaikan harga minyak yang tinggi tetap memberi tekanan kepada kadar inflasi dalam negara yang akan terus berada kekal pada paras sederhana tinggi. Keadaan ini akan memberi impak terhadap perlombongan negeri Kelantan dan boleh menjejaskan kuasa beli awam serta kesan terhadap rakyat negeri Kelantan.

Dalam usaha merencanakan kegiatan dan pertumbuhan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan projek-projek yang telah dirancang melalui Rancangan Malaysia Ke Sembilan melibatkan peruntukan RM7.626 billion bagi negeri Kelantan.

Ekonomi negeri Kelantan pada keseluruhannya kekal diterajui oleh sektor utama berikut iaitu perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Dalam hal ini, sektor pertanian terus diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri terutama dalam meningkatkan pengeluaran dan pemprosesan makanan halal. Sementara sektor-sektor pembuatan, perkhidmatan dan industri pelancongan terus menyumbang dan merangsang pertumbuhan ekonomi negeri.

Menerusi gandingan yang mantap bersama sektor awam negeri, swasta serta seluruh lapisan masyarakat dengan amalan dan penghayatan budaya kerja dan urus tadbir yang cekap dan cemerlang mampu membawa PKINK mencapai misi dan falsafah korporatnya ke arah masa depan yang lebih baik dalam memastikan kejayaan berterusan.

CHAIRMAN'S STATEMENT

All praises to Allah, the possessor of heaven and earth. Regards to our prophet, Rasuullah S.A.W.

May peace fall upon you and may Allah bless you with generosity and prosperity

With HIS will and blessing, on behalf of KSEDG Board of Directors, I am honored to present KSEDG annual report and audited financial statement for the year ending 31 December 2006

The state of Kelantan's economic growth is very much affected by the national macro-economic forces. The country's economy continue to grow at consistent rate despite facing global uncertainties and this is contributed by strong domestic demand as well as sturdy exports. This has led to a 5.8% growth in year 2006, thus spilling similar positive trend for the state.

However, global economic condition and escalating oil prices did add some pressure to the national inflation rate, which remain at a moderate level. This situation had a significant impact on the public purchasing power of the people of Kelantan.

In order to further stimulate the Kelantan's economic activities and growth, the state government gave full cooperation in order to make sure that all the projects planned within the RM7.626 billion funds allocated to Kelantan under the 9th Malaysia Plan will be successfully executed and implemented.

The main thrust of Kelantan's economy are services, manufacturing and agriculture sectors. Yet, agriculture remain as the state government's topmost agenda especially in the production and processing of halal food. In due course, contribution from the manufacturing, services and tourism sectors continue to boost the state's economy.

The synergy driven by the public and private sector, as well as the community as a whole, combined with strong working culture and excellent governance, has helped KSEDG to achieve its mission and corporate philosophies in pursuit of a better future and continuous success.

PRESTASI KEWANGAN

PERBADANAN

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2006, Perbadanan telah memperolehi pendapatan sebanyak RM27.069 juta iaitu merosot 60.83% dari jumlah pendapatan RM69.113 juta untuk tahun kewangan sebelumnya. Punca utama kemerosotan ini ialah hasil jualan projek perumahan yang susut 88% dari RM61.578 juta untuk tahun 2005 kepada RM20.400 juta tahun ini. Ini adalah kerana dalam tahun 2005, hasil utama jualan projek perumahan datangnya dari perolehan 230 unit KB Bazaar dari Lembah Kencana Sdn Bhd sebagai sebahagian perkongsian keuntungan dari pembangunan tanah milik PKINK di Jalan Hamzah Kota Bharu oleh syarikat swasta itu.

Pendapatan dari kutipan sewa menyumbang 21% dari jumlah perolehan keseluruhan tahun 2006 iaitu sebanyak RM5.776 juta. Manakala yang selebihnya adalah dalam bentuk hasil pinjaman kepada syarikat anak serta hasil perhutanan dan perkhidmatan.

Bagi menampung penurunan pendapatan, PKINK turut mengawal pengaliran tunai keluar dan hasilnya kos mengurus berjaya dikurangkan sebanyak 14% kepada RM16.212 juta dari RM18.913 juta untuk tahun kewangan sebelumnya.

Hasil dari itu, Perbadanan masih mampu mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM4.468 juta untuk tahun 2006, berbanding RM11.161 juta yang diperolehi dalam tahun 2005.

Setelah ditolak cukai korporat sebanyak RM1.611 juta, keuntungan bersih yang dicatatkan oleh Perbadanan adalah berjumlah RM2.857 juta, 50% lebih rendah dari jumlah RM5.791 juta yang dicatatkan dalam tahun 2005. Ini telah meningkatkan pegangan rezab Perbadanan kepada RM64.532 juta pada 31 Disember 2006.

KUMPULAN

Pendapatan operasi syarikat-syarikat anak Kumpulan PKINC yang diaudit untuk tahun 2006 berjumlah RM196,034,338, meningkat 25% jika dibandingkan dengan pendapatan operasi RM155,916,347 yang diperolehi dalam tahun kewangan 2005. Punca utama peningkatan ini ialah dari sektor perladangan, perkhidmatan dan hartanah.

Hasil jualan ladang Syarikat Ladang Sg Terah Sdn Bhd telah meningkat dari RM35.412 juta dalam tahun 2005 kepada RM42.986 juta untuk tahun 2006.

FINANCIAL PERFORMANCE

CORPORATION

For the financial year ending 31 December 2006, the Corporation has reaped an income of RM27.069 million, which is a 60.83% reduction from RM69.113 million charted in the previous financial year. The major contributing factor is that in 2005, the bulk of the income is from the acquisition of 230-unit KB Bazaar from Lembah Kencana Sdn Bhd as partial profit payment on the joint-development of KSEDC's land in Jalan Hamzah Kota Bharu.

Rental income of RM5.776 million contributed 21% to the overall turnover in year 2006, while the remaining portion comes from income on loans to subsidiaries, as well as tributes from logging and fees on services.

In order to sustain performance despite lower income, KSEDC continue to aggressively control its cash outflows. As a result, costs of operation dropped 14% to RM16.212 million in year 2006 from RM18.913 million incurred in the previous year.

Hence, KSEDC still managed to record a profit before tax of RM4.468 million in year 2006, as opposed to RM11.161 million charted in year 2005.

After deducting the corporate tax of RM1.611 million, the net profit for the year for KSEDC for 2006 was RM2.857 million, which is 50% less than RM5.791 million recorded in year 2005. This retained profit has pushed up KSEDC's reserve to RM64.532 million, as at 31 December 2006.

GROUP

KSEDC's audited group operating income for year 2006 amounted to RM196,034,338, up 25% from RM155,916,347 gained in year 2005. The major contributor to this increase come from the plantation, services and property sectors.

Turnover from the plantation company Syarikat Ladang Sg Terah Sdn Bhd has leaped from RM35.412 million in year 2005 to RM42.986 million in year 2006.



Syarikat-syarikat hartanah iaitu Binaraya PKINK Sdn Bhd, Profil Impian Sdn Bhd, Kelkon Sdn Bhd dan SPP Development Sdn Bhd turut mengalami lonjakan perolehan yang tinggi. Hasil dari kemajuan kontrak meningkat dari RM73.733 juta dalam tahun 2005 kepada RM82.608 juta untuk tahun 2006 manakala jualan kawasan perumahan pula mencatat perolehan RM10.064 juta dalam tahun 2006 berbanding RM7.217 juta untuk tahun 2005.

Sektor perkhidmatan mencatatkan perolehan berganda RM23.507 juta untuk tahun 2006, berbanding hanya RM7.163 juta dalam tahun 2005. Ini adalah hasil dari sumbangan dua operasi utama iaitu Sistem Gadaian Islam Ar-Rahn serta projek telekomunikasi di bawah InfraQuest Sdn Bhd dan ASCII Line Sdn Bhd.

Sektor perhotelan, melalui Hotel Perdana Sdn Bhd dan Perdana Resort Sdn Bhd turut menunjukkan pengukuhan dari perolehan berjumlah RM8.261 juta dalam tahun 2005, kepada RM10.124 juta dalam tahun 2006. Kedua-dua hasil iaitu jualan bilik serta makanan & minuman telah menunjukkan peningkatan dalam tempoh tersebut, begitu juga dengan pendapatan dari aktiviti bowling dibawah Perdana Superbowl Sdn Bhd.

Hanya operasi pembalakan Kompleks Perkeyuan Kelantan Sdn Bhd menunjukkan kemerosotan iaitu dengan perolehan RM14.776 juta dalam tahun 2006, susut dari RM17.672 juta yang diperolehi dalam tahun 2005.

Walaupun bagaimanapun, keuntungan bersih konsolidasi syarikat-syarikat anak kumpulan PKINK susut kepada RM15.777 juta dalam tahun 2006, daripada RM41.769 juta yang dicatatkan dalam tahun 2005. Ini adalah kerana, dalam tahun 2005, kumpulan PKINK menjana keuntungan RM27.926 juta dari jualan aset termasuklah jualan sebahagian daripada ladang milik Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd.

Revenues from the property companies i.e. Binaraya PKINK Sdn Bhd, Profil Impian Sdn Bhd, Kelkon Sdn Bhd and SPP Development Sdn Bhd experienced the same positive momentum in year 2006. Income from construction increased from RM73.733 million in year 2005 to RM82.608 million in year 2006, while sales from housing developments was RM10.064 million in year 2006, growing from RM7.217 million in year 2005.

Revenue from the services sector ballooned up to RM23.507 million in year 2006, from RM7.163 million reaped in year 2005. One of the two businesses which mainly contributed to this hike is the Ar-rahm Islamic Pawn System. The other one is the telecommunication projects, whereby towers are constructed by ASCII Line Sdn Bhd and rented out to Telco giants by InfraQuest Sdn Bhd. Both are subsidiaries of Permodalan Kelantan Berhad.

The group's hotel and resort operators, Hotel Perdana Sdn Bhd and Perdana Resort Sdn Bhd, showed stronger earnings in 2006, with a total turnover of RM10.124 million in year 2006, compared to RM8.261 million in year 2005. Both the room and Food & Beverage segments gained higher revenues as opposed to the previous period, and the same positive trend is charted by the bowling activities of Perdana Superbowl Sdn Bhd.

The only sector experiencing a downfall in year 2005 is logging and forestry. The turnover of Kompleks Perkeyuan Kelantan Sdn Bhd dropped to RM14.776 million during the year, from RM17.672 million gained in year 2005.

Though KSEDC group companies showed tremendous improvement operation-wise, net consolidated profits for year 2006 falls sharply to RM15.777 million, from RM41.769 million posted in year 2005. The main factor however is that in year 2005, the bulk of the income came from RM27.926 million non-operating profits generated from selling a portion of plantation land owned by Syarikat Ladang Sg Terah Sdn Bhd.

PROSPEK MASA DEPAN

Sebagai agensi pembangunan ekonomi bagi negeri Kelantan, PKINK akan sentiasa melakukan proses pembaharuan bagi menambahbaik mutu dan kualiti kerja dalam semua aspek pentadbiran, sistem penyampaian serta pengurusan syarikat-syarikat Kumpulan PKINK. Langkah-langkah yang efisien dan proaktif melalui pendekatan yang lebih dinamik dalam meneraju pertumbuhan ekonomi negeri akan terus dilaksanakan.

PKINK akan meneruskan komitmen yang tinggi bagi membangunkan rakyat Kelantan melalui usaha-usaha peningkatan taraf sosio ekonomi negeri dan penduduknya melalui program-program serta projek-projek yang akan membawa manfaat seluruhnya kepada rakyat negeri ini.

Saya dan seluruh warga PKINK akan terus melipatgandakan usaha bagi memastikan hasrat dan cita-cita untuk memajukan ekonomi rakyat Kelantan tercapai dengan jayanya dan Kelantan lahir sebagai sebuah negeri yang sejahtera serta diredhai Allah S.W.T hendaknya.

PENGHARGAAN

Bagi pihak PKINK, saya merakamkan setinggi penghargaan serta terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan serta seluruh warga kerja PKINK di atas prestasi yang telah ditunjukkan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, individu serta syarikat swasta yang turut memberi sokongan serta kerjasama kepada PKINK dengan harapan agar ianya berterusan untuk masa-masa hadapan.

FUTURE PROSPECT

As the agent for the state's economic development, KSEDC will seek continuous improvement to ensure quality services in all aspects, be it administrative, delivery system or in the management of the Group's subsidiaries. Increasingly dynamic, efficient and proactive approaches will consistently be employed in order to spearhead the state's economic growth.

KSEDC will unfailingly be highly committed in uplifting the state and its people's socio-economic level, through various impactful projects and programs which can spill-off benefits to the population at large.

All the members of KSEDC, and myself, will put together relentless efforts to ensure that the aspiration to lift the people's economic well-being in Kelantan is fulfilled.

ACKNOWLEDGEMENT

On the behalf KSEDC, I express my heartfelt gratitude to all the Board members, management team, and the whole workforce of KSEDC for the performance achieved to date. I also like to extend my appreciation to the Federal Government, the State Government of Kelantan, all the Government departments and agencies, private companies as well as individuals who have supported and cooperated with KSEDC and may the collaboration persevere in years to come.

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam menguruskan sumber tenaga kerja bagi memastikan ianya berada pada tahap kecekapan yang memuaskan dan digunakan seoptimum mungkin. Di samping itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam memastikan kecekapan pentadbiran dan pengurusan serta penyediaan latihan atau kursus yang sesuai mengikut keperluan anggota.

Dalam usaha memantap dan mempertingkatkan keupayaan serta tahap kecekapan sumber manusia dalam organisasi, PKIK sentiasa membuat semakan dalam meneliti kedudukan semua anggota terutama dari segi penempatan kerja dan keperluan tugas bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan tugas di semua peringkat pengurusan atau pentadbiran. Dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan member pendedahan kepada anggota, beberapa program telah diatur sepanjang tahun 2006, antaranya ialah Bengkel "Key Performance Indicator" (KPI), seminar "Enterprise Risk Management", ceramah motivasi Budaya Kerja Cemerlang, ceramah Akta Pencegahan Rasuah oleh BPR, bengkel penulisan, bengkel peperiksaan perkhidmatan awam dan ceramah-ceramah keagamaan.

Selain itu juga, anggota-anggota juga diberi peluang untuk mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan diri dengan mengikut kursus-kursus yang dianjurkan oleh INTAN, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan badan-badan profesional yang lain.

BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

Bahagian Perancangan Korporat terus memainkan peranan utamanya sebagai pemantau kepada prestasi syarikat-syarikat milik penuh atau majoriti dalam kumpulan PKIK. Ia merangkumi tugas-tugas menganalisa laporan kewangan dan operasi bulanan syarikat anak, menyediakan garis panduan belanjawan tahunan serta semakan separuh tahun dan mengadakan lawatan kerja korporat.

Dalam bulan April 2006, Kerajaan Pusat telah melancarkan program transformasi untuk mengukuhkan prestasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (government-linked companies). Bahagian Perancangan Korporat telah mengikut langkah yang dijalankan tersebut dengan memperkenalkan "Petunjuk Prestasi Utama" (Key Performance Indicators) di kalangan syarikat-syarikat anak.

Sepanjang tahun 2006, pegawai-pegawai BPK turut terlibat secara langsung dalam menyelaraskan dan menyelia program yang disertai oleh Kerajaan Negeri Kelantan iaitu MAHA 2006 (Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan) peringkat Nasional yang diadakan pada 21-26 November 2006 di Serdang Exposition Park, Serdang.

HUMAN RESOURCE DIVISION

The Human Resource Department played a major role in managing the workforce at its most optimum efficiency level, as well as providing suitable trainings and courses for them.

In enhancing the efficiency and competency level of the human resource, PKIK regularly revised all positions to ensure job placements and requirements are perfectly matched, thus maintaining their effectiveness. Several programs are conducted throughout year 2006 to further educate and expose the staff, in areas such as Key Performance Indicators, Enterprise Risk Management, Excellent Work Culture, Corruptions, as well as workshops and talks on writing skills, public competency tests and also religious issues.

In addition to those programs, the staffs are also given the opportunities to self-upgrade their skills and aptitude by attending courses conducted by INTAN, State Secretariates as well as professional bodies.

CORPORATE PLANNING DIVISION

The Corporate Planning Division continues with its role in monitoring the performances of PKIK's wholly and majority owned subsidiaries. This task involve analyzing monthly operational and financial reports, providing guidelines for annual business plan and budget as well as mid-year review, and conducting working visits from time to time.

In April 2006, the Federal Government has launched the Government-Linked Companies' transformation program, in order to strengthened their performance. This division has emulate such measures by introducing the Key Performance Indicators among the subsidiaries.

Throughout year 2006, officers from this division are directly involved in coordinating the state government's participation in the national Malaysia's Agriculture and Horticulture Expo 2006, which is held on 21-26 November 2006 at the Serdang Exposition Park, Serdang.

BAHAGIAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT

Pengurusan sistem maklumat menjadi salah satu agenda penting bagi PKINK dalam meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan. Bahagian MIS juga bertanggungjawab dalam menyediakan khidmat kemudahan IT kepada PKINK dan syarikat anak.

Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan mengikut jadual ialah kerja-kerja penyelenggaraan Sistem Komputer dan Rangkaian PKINK, Pembangunan Sistem Aplikasi dan Laman Web, Konsultansi dan Khidmat Nasihat. Bagi memantapkan lagi tahap penggunaan komputer di kalangan anggota PKINK, Bahagian MIS juga mengadakan khidmat latihan komputer yang dikendalikan oleh anggota khusus bagi modul Persembahan dan Multimedia.

Di samping itu juga, Bahagian MIS turut mengadakan latihan dan kursus-kursus yang berkaitan mengikut keperluan. Bahagian MIS juga turut menyediakan sewaan LCD Projektor dan Makmal Siber.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

PKINK yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) sebagai sekretariat Program Usahawan Muda (PUM) peringkat Negeri Kelantan telah berjaya melaksanakan program ini di 26 buah sekolah menengah iaitu 13 buah sekolah di bawah Jabatan Pelajaran Kelantan dan 13 buah sekolah Yayasan Islam Kelantan. Pelbagai program sokongan telah dijayakan bagi memastikan PUM terus berkembang sebagaimana yang dirancang seperti Seminar Ahli Lembaga Pengarah, Konvensyen Peringkat Negeri, Latihan Guru Pembimbing & Penasihat dan Seminar Trainings For Trainers. Selain program kursus dan seminar, pembinaan kiosk telah dibuat di 15 buah sekolah. Ianya bagi memberi kemudahan kepada para pelajar untuk menjayakan aktiviti di sekolah masing-masing.

Kursus-kursus usahawan yang dilaksanakan adalah Kursus Penjaja dan Penjaja Kecil, Kursus Berdikari, Bengkel Keusahawanan & Kewangan, Bengkel Pelaksanaan Pengeluaran Produk HALAL dan Bengkel "Groom Big". Selain itu, PKINK juga menyertai beberapa ekspo keusahawanan iaitu ekspo Satu Daerah Satu Industri di Melaka dan MIHAS di Shah Alam. Produk-produk usahawan tempatan yang berpotensi untuk diketengahkan telah dibawa sebagai bahan pameran dan jualan.

Projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKB) yang disiapkan pada tahun 2006 adalah projek Gerai Tok Bali. Komponen projek adalah sebuah jeti pendaratan ikan sepanjang 330 kaki 30 unit tuku jualan ikan, 30 unit lot

MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM DIVISION

The management information system is one of the primary agendas for PKINK in order to improve the quality of the service. This division is also responsible in providing IT services to the whole PKINK Group of Companies.

Among the on-going tasks being implemented are maintaining PKINK's Computer and Networking System, Web and Application System Development, as well as Consultancy and Advisory Services. To further inculcate computer literacy among the staff, this division conducted in-house trainings in modulis such as Presentations and Multimedia, based on needs and requirements, internally as well as externally. This division also rented out its hardwares and cyberlabs to subsidiaries and other agencies.

ENTREPRENEUR DEVELOPMENT DIVISION

PKINK, which is appointed by the Ministry of Entrepreneur and Cooperative Development as the secretariat for Kelantan's Young Entrepreneur Program, has successfully implemented it in 26 schools, with 13 schools under the State Education Department while the other 13 is under the Kelantan Islamic Foundation. Various supplementary programs are conducted to maintain its momentum such a seminar on Directorship, State Convention as well as Trainings For Trainers, Advisors and Facilitators. Kiosks are set up in 15 schools to further accomodate related activities carried out in each school.

The entrepreneurial programs conducted throughout year 2006 are courses for small businesses and traders, self-reliance, entrepreneurship & finance, halal products and a workshop on Groom Big. In addition to inhouse programs, KSEDC also participated in external events such as the "One District One Industry" exposition in Maricao, and MIHAS in Shah Alam. This is where local products with huge potentials are displayed and sold.

In year 2006, the Tok Bali Fish Terminal, a project under the 8th Malaysia Plan was completed. The terminal comprises of a 300-foot landing jetty, a 30-unit wet market, a 30-unit dry market and public toilet. The construction of its 2nd phase, which is

gerai barangan runcit/sayur dan juga tandas awam bagi kemudahan peniaga dan pengunjung. Pembinaan Fasa II yang mendapat peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke 9 (RMK9) yang mengandungi gerai makanan laut, restoran, jeti dan pejabat pelancongan, wakaf serta masjid telah dimulakan pada bulan November 2006.

Tahun 2006 merupakan tahun pertama bagi tempoh RMK9. PKINK telah mendapat pruntukan untuk melaksanakan 5 projek dalam tempoh RMK9 dengan jumlah peruntukan RM 33.5 juta. Projek-projek ini dirangka bagi membangunkan usahawan di negeri Kelantan dan dijangkakan hampir 300 orang usahawan akan mendapat faedah langsung dari pembangunan projek-projek ini.

PEMBANGUNAN HARTANAH

Penglibatan perbadanan dalam sektor Pembangunan Hartanah digerakkan melalui bahagian Projek dan Hartanah (BPH) seta melalui Syarikat-syarikat anak iaitu Binaraya PKINK Sdn Bhd, Profil Impian Sdn Bhd dan kumpulan Keikon Sdn Bhd.

BAHAGIAN PROJEK & HARTANAH

Sepanjang tahun 2006, Bahagian Projek & Hartanah telah berjaya merancang dan membangunkan projek-projek pembangunan hartanah meliputi projek perumahan, perkedaian dan pusat perniagaan komersil yang dapat memberi pulangan dan keuntungan kepada PKINK.

Sebanyak empat projek Pusat Komersil telah dilaksanakan sepanjang tahun 2006 terutama yang melibatkan projek-projek usahasama di antara PKINK dengan syarikat swasta. Antara projek tersebut ialah :

- Projek Pembangunan Pelangi Mall, Seksyen 9, Jalan Post Office Lama, Kota Bharu

Kompleks Pelangi Mall di tepi Sungai Kelantan dibina dengan kos RM 77 juta hasil usahasama antara PKINK dan Finconsult Sdn Bhd. Kemajuan pembinaan Arked Perkedaian dan Podium telah 100% siap manakala Apartmen kesiapannya kira-kira 67% dan dijangka siap sepenuhnya akhir tahun 2007.

- Projek Bangunan KB Bazaar, Seksyen 16, Jalan Hamzah, Kota Bharu.

Bangunan KB Bazaar 3 tingkat ini telah siap dibina hasil usahasama antara PKINK dengan Lembah Kencana Development Sdn Bhd dan telah pun mempunyai Sijil Kelayakan Duduk. Bazaar ini sedang dijual kepada umum pada kadar RM90,100.00 hingga RM151,600.00 mengikut kedudukan lot dan tingkat.

- Projek Pembangunan Intan Plaza & Intan Apartmen 17 tingkat, Seksyen 9, Jalan Che Su, Kota Bharu.

funded under the 9th Malaysia Plan, commenced in November 2006. The components are seafood restaurants, waterfront, tourist office, gazebos and mosque.

In fact 2006 is the starting year for the 9th Malaysia Plan and KSEDG was awarded funding for 5 projects within that period with the total amount of RM33.5m. These projects are aimed to develop the state's entrepreneur and it is estimated that 300 of them will gain direct benefits from the implementation of those projects.

PROPERTY DEVELOPMENT

KSEDG's involvement in Property Development is spearheaded directly through its Projects & Property Division, as well as indirectly through subsidiaries such as Binaraya PKINK Sdn Bhd, Profil Impian Sdn Bhd and Keikon Group of Companies.

PROJECT AND PROPERTY DIVISION

Throughout year 2006, the Project & Property Division has planned and implemented several property projects, developing both residential and commercial units which brings hefty return to KSEDG.

The construction of four commercial complexes continues in year 2006. They are projects jointly ventured by KSEDG with three private companies and one subsidiary. Those complexes are:

- *Pelangi Mall in Section 9, Jalan Post Office Lama, Kota Bharu*

This RM77m complex is located on the banks of Kelantan River. It is a joint-venture between KSEDG and Finconsult Sdn Bhd. The shopping arcade and podium are under construction while the apartment block will follow suit and they are expected to be fully completed by the end of year 2007.

- *KB Bazaar, Section 16, Jalan Hamzah, Kota Bharu*

The 3-storey bazaar, which was fully completed and awarded with Certificates of Fitness in year 2006, is a joint venture between KSEDG and Lembah Kencana Development Sdn Bhd. Shopunits within the bazaar is currently on sale to the public at prices ranging between RM90,100 to RM151,000, depending on its location and floor level.

- *Intan Plaza & 17-floor Apartments in Section 9, Jalan Che Su, Kota Bharu*



Kompleks Intan Plaza merupakan projek usahasama antara PKINK dan Menang Intan Sdn Bhd yang menelan belanja kira-kira RM 50 juta. Kemajuan binaan kini adalah 90% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2007.

- Projek Pembangunan Kelantan Trade Center, Seksyen 14 Jalan Bayam, Kota Bharu

Kelantan Trade Center (KTC) merupakan projek khas yang dibangunkan oleh Kelkon Sdn Bhd iaitu anak syarikat PKINK dengan kos RM 50 juta. Kemajuan pembinaan pangsapuri telah 55% siap dan habis ditempahbeli. Keseluruhan komponen projek ini dijangka disiapkan pada akhir tahun 2007.

- Projek Usahasama Perlombongan Emas

Dalam tahun 2006, hanya 3 permohonan telah diterima daripada syarikat-syarikat untuk mengadakan projek usahasama melombong emas di Blok Sokor Tanah Merah yang melibatkan kawasan seluas 3000 ekar. Hanya 2 syarikat sahaja sedang beroperasi menjalankan perlombongan emas iaitu Syarikat Lateral Construction Sdn. Bhd. dan Syarikat Alika Sejagat Sdn. Bhd.

The Intan Plaza is jointly developed by KSEDC and Menang Intan Sdn Bhd at a cost of RM50m. By the end of year 2006, this plaza is already 90% constructed and will be fully completed by mid 2007.

- *Kelantan Trade Center Project in Section 14 Jalan Bayam, Kota Bharu*

Kelantan Trade Centre (KTC) is a landmark development by KSEDC's majority-own subsidiary Kelkon Sdn Bhd. The apartment block has reached 55% completion and is fully sold-out. The whole component will be fully completed by the end of 2007.

- *Joint-venture projects in Gold Mining*

In year 2006, KSEDC received three applications to jointly mine gold deposits in the 3,000-acre Sokor Block, Tanah Merah. 2 companies are awarded the right and are currently in operation, which are Lateral Construction Sdn Bhd and Alika Sejagat Sdn Bhd.

BINARAYA PKINK SDN BHD

Syarikat milik penuh PKINK ini telah memainkan peranan penting untuk menjana aktiviti-aktiviti pembangunan projek hartanah bagi kumpulan PKINK. Sepanjang tahun 2006, Binaraya telah berjaya menyiapkan beberapa projek perumahan dan perkedai yang memberi keuntungan kepada syarikat. Antara projek yang berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:

Projek Perumahan

- Perumahan Padang Selising, Machang yang bernilai RM 6,499,168
- Perumahan Desa Darulnaim, Kota Bharu yang bernilai RM 7,145,303
- Taman Sri Mesa, Gual Periook bernilai RM 4,384,139
- Desa AR-Rahman Binaraya, Kuala Krai bernilai RM 2,921,000
- Perumahan Padang Selising, Machang bernilai RM 1,675,797

Projek Pembangunan Rumah Kedai

- 9 unit rumah kedai 3 tingkat yang bernilai RM 4,347,408
- 8 unit rumah kedai 2 tingkat fasa II bernilai RM 1,046,200
- 4 unit kedai pejabat 3 tingkat yang bernilai RM 2,288,550

BINARAYA PKINK SDN BHD

This is a wholly-owned subsidiary which spearheaded the property development activities within KSEDC Group. Throughout year 2006, several profitable residential and commercial projects are implemented by the company and they are:

Residential Projects

- Housing project worth RM6,499,168 in Padang Selising, Machang*
- Housing project worth RM7,145,303 in Desa Darulnaim Kota Bharu*
- Taman Sri Mesa, Gual Periook worth RM 4,384,139*
- Desa AR-Rahman Binaraya, Kuala Krai worth RM 2,921,000*
- Housing project worth RM1,675,797 in Padang Selising, Machang*

Commercial Projects

- 9 units 3-storey shophouses worth RM4,347,408*
- 8 units 2-storey shophouses worth RM1,046,200*
- 4 units 3-storey shophouses worth RM2,288,550*



PROFIL IMPIAN SDN BHD

Dalam tahun 2006, syarikat ini melaksanakan pembangunan hartanah di Taman Kurnia Jaya, Pengkalan Chepa dan ini merangkumi:

- i. 73 unit rumah teres satu tingkat, 32 rumah teres dua tingkat dan rumah berkembar dua tingkat (fasa 4A) yang bernilai RM 10,344,571
- ii. 4 banglo dua tingkat bernilai RM 1,025,855
- iii. 102 rumah teres 1 tingkat (fasa 4B) bernilai RM 8,796,902

PEMBINAAN

KELKON SDN BHD

Bagi tahun 2006, jumlah kos projek yang diperolehi ialah RM 90 juta merangkumi projek dalaman, anak syarikat PKINK dan pihak swasta lain. Di antara projek tersebut ialah Kelantan Trade Centre, Lot 822 Desa Orkid, 36 unit teres selapis Mukim Kumumin, 109 unit Kurnia Jaya dan lain-lain. Projek-projek ini secara langsung menggalakkan aktiviti anak syarikat Kelkon dalam pengeluaran konkrit sedia bancuh oleh Kelmix dan aggregate serta premix oleh Kijang Kuari.

KIJANG KUARI SDN BHD

Kijang Kuari Sdn. Bhd adalah satu-satunya syarikat pengkuarian di negeri Kelantan yang berjaya memperoleh pengiktirafan MS ISO 9001:2000 yang dikeluarkan oleh SIRIM. Pada penghujung tahun 2006, loji kuari di Gua Musang telah pun dipindahkan ke Pulau Chondong bagi mempertingkatkan lagi operasi pengeluaran syarikat.

Kijang Kuari juga menjalankan kerja-kerja pembinaan jalan untuk jalan-jalan di bawah JKR, Majlis Tempatan, Syarikat Kumpulan dan swasta. Syarikat berharap dengan adanya projek ini akan meningkatkan pengeluaran dan dapat memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri.

PENGURUSAN HARTA

PROKEL MANAGEMENT SDN BHD (PSMB)

Prokel Management Sdn Bhd telah melakukan beberapa aktiviti yang boleh membawa keuntungan kepada syarikat. Di antara aktiviti tersebut ialah mengendalikan pengurusan sewa dan pemasaran premis kosong milik PKINK, kerja-kerja menyelenggara perkhidmatan mekanikal, elektrik, struktur dan peralatan awam di bangunan milik PKINK serta menyediakan khidmat pengurusan kebersihan, perkhidmatan pengurusan perlindungan insurans harta dan pengurusan cukai bandar. Keuntungan syarikat juga diperolehi melalui kutipan tempat letak kereta dan aktiviti pengurusan projek selaku perunding kontraktor.

PROFIL IMPIAN SDN BHD

In year 2006, this company continues developing Taman Kurnia Jaya in Pengkalan Chepa, which comprise of

- i. Phase 4A: 73 single-storey terrace, 32 double-storey terrace and semi-dees worth RM10,344,571*
- ii. 4 double-storey worth RM1,025,855*
- iii. Phase 4B: 102 single-storey worth RM8,796,902*

CONSTRUCTION

KELKON SDN BHD

In year 2006, this company was awarded RM90 million worth of projects by companies within and outside the group. Among them are the Kelantan Trade Centre, Desa Orchid Lot 822, 36 single-storey terrace in Kumumin and and 109 units in Taman Kurnia Jaya. These projects directly stimulates the related activities engaged by Kelkon's subsidiary, Kelmix, which are the production of ready-mix concrete.

KIJANG KUARI SDN BHD

Kijang Kuari is the only quarry company in Kelantan with MS ISO 9001:2000 certification by SIRIM. Towards the end of year 2006, its quarry plant in Gua Musang was relocated to Pulau Chondong to further strengthen its operation.

Kijang Kuari is also engaged in road building for contracts under PWD, Local Councils as well as companies within and outside the group.

ASSET MANAGEMENT

PROKEL MANAGEMENT SDN BHD (PSMB)

Prokel Management Sdn Bhd continuously engage in activities which can generate better returns from assets own by KSEDC such as pursuing rental collection, promoting vacant lots as well as maintaining all the mechanical, civil, electrical and structural aspects of all buildings under its management. The company also handles matters regarding cleanliness, insurance protection and tax payment. It earns extra income from parking collections as well as supplementary services as project manager and consultant for contractors.

BAHAGIAN GALAKAN INDUSTRI DAN IKS

Aktiviti Bahagian Galakan Industri dan IKS sepanjang 2006 lebih ditumpukan kepada kerja-kerja penjualan tanah yang masih terdapat di kawasan-kawasan perindustrian Gua Musang dan Pengkalan Chepa, serta penyewaan tapak-tapak kilang sediaada dan inkubator oleh PKINK.

Sepanjang tahun 2006, bahagian Galakan Industri & IKS telah mengatur beberapa lawatan untuk ahli Majlis Eksekutif ke kilang-kilang yang beroperasi di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa II.

Di samping mengurus penjualan dan penyewaan, bahagian ini juga memainkan peranan sebagai penasihat kepada syarikat-syarikat yang telah membina kilang di atas hartanah yang telah dibeli terutama dari segi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANIAN DAN AGRO BISNES

Sektor Pertanian dan Agro-Bisnes digerakkan melalui Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) yang sentiasa berusaha secara giat agar sektor ini berkembang pesat sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Kelantan sebagai negeri Jelapang Makanan.

KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (KPKB)

Peranan utama KPKB ialah melaksanakan pembangunan sektor pertanian secara komersial di Negeri Kelantan ke arah meningkatkan usaha-usaha menjadi Negeri Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makanan Negara serta menjadikan sektor pertanian sebagai teras pembangunan ekonomi negeri Kelantan. Bagi tahun 2006, KPKB telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk membekalkan baja padi di bawah Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Negeri Kelantan bernilai RM4.0 juta setahun. KPKB juga menyediakan Pusat Jualan Benih pokok buah-buahan dan bunga, pembangunan ladang buah-buahan melalui dusun Ladang Rakyat di Jeli, Relai dan Lojing, Industri membuat minuman Roselle dan produk berasaskan Roselle.

PEMROSESAN MAKANAN

MURNI MARKETING SDN BHD (MMSB)

Murni Marketing Sdn Bhd merupakan salah sebuah syarikat anak kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) yang ditubuhkan pada 17 April 1997 untuk menceburi aktiviti memproses makanan sebagai menyokong kepada pengeluaran tambah nilai seperti

INDUSTRIAL PROMOTION AND SMIs

Throughout year 2006, this division is focused on selling available lots in industrial parks developed by KSEDG in Gua Musang and Pengkalan Chepa, as well as promoting the ready-built factories and incubation units.

This division also arranged several courtesy visits by KSEDG's Executive Council to major companies currently operating in Pengkalan Chepa free trade zone.

This division also acts as the advisor to buyers who plan to build factories, especially in matters regarding rules and regulations set by the local authorities.

AGRICULTURE AND AGRO-BUSINESS

The Group agriculture and agro-business sector is actively explored by Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) in line with the state government's aspiration to turn Kelantan into a Food Haven.

KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (KPKB)

Its mission is to commercially developed the agriculture sector in Kelantan, not only to promote the state as the national food haven, but also to turn the sector into the state's core economic catalyst.

In 2006, KPKB supplied RM4million worth of fertilizers to paddy farmer under the state's subsidized scheme. KPKB also continues with its ventures in orchard development and food processing via its wholly owned subsidiaries Murni Marketing Sdn Bhd and DAMAI Sdn Bhd

FOOD PROCESSING

MURNI MARKETING SDN BHD (MMSB)

Murni Marketing Sdn Bhd was incorporated on 17 April 1997 to venture into downstream agro-based activities such as food processing and packaging. It operates a factory on a 2.5-acre complex in Wakaf Zin, Bachok.

memproses dan pembungkusan produk pertanian asas tani. MMSB mempunyai kilang yang terletak di kawasan seluas 2.5 ekar di Kompleks Perusahaan Makanan KPKB, Wakaf Zin, Bachok.

MMSB memproses dan mengeluarkan produk-produk berasaskan Roselle jenama Cristal seperti Kordial Roselle (1 Liter), Halwa Roselle (80g/botol & 40g/paket), dan jus Roselle dalam PP Cup (230ml).

LADANG RAKYAT

DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN BHD (DAMAI)

Melibatkan diri dalam pembangunan dan penjualan lot-lot ladang buah-buahan yang di kenali sebagai projek Ladang Rakyat Dataran Rabuah (LRDR). Sehingga tahun 2006 DAMAI telah memajukan beberapa buah ladang antaranya Ladang Rakyat Jeli, Ladang Rakyat Mukim Relai, Ladang Rakyat Lojing Fasa II, Ladang Rakyat Lojing Fasa III dan Tapak Semaihan Pasir Mas.

PERLADANGAN

SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH SDN BHD (SLST)

SLST memainkan peranan utama dalam sektor perladangan iaitu getah dan kelapa sawit. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006, SLST telah mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM 12,685,243.

Bagi tahun 2006, SLST telah menjana pendapatan sejumlah RM 32,908,832. Kesemua jumlah yang diperolehi adalah hasil daripada keluaran getah, kelapa sawit dan lain-lain pendapatan.

Sepanjang tahun 2006, SLST telah berjaya melaksanakan beberapa perkara penting antaranya ialah perasmian kilang sawit usahasama antara SLST dan STPOM (Sungai Terah Palm Oil Mill Sdn Bhd) yang dirasmikan oleh YAB Tuan Guru Dato Menteri Besar Kelantan, memulakan Projek Pembangunan Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan hasil usahasama dengan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) pada bulan Mei, mengambil alih Ladang Damai dari KPKB pada bulan Jun dan perpindahan ibu pejabat ke bangunan baru di Bahagian Kelasa.

PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

KOMPLEKS PERKAYUAN KELANTAN SDN BHD (KPK)

KPK Sdn Bhd merupakan salah sebuah syarikat anak dalam kumpulan PKINK yang memainkan peranan penting dalam menjana aktiviti sektor perhutanan dan pembalakan secara aktif. KPK Sdn Bhd telah mencatat

MMSB is currently involve in the production of roselle-based products such as 1-litre cordial, dried & sweetened or ready-mix drink, under the "Crystal" brand.

ORCHARD DEVELOPMENT

DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN BHD (DAMAI)

This company develops and sell orchard lots which are better known as Ladang Rakyat Dataran Rabuah (LRDR). Until year 2006, DAMAI has cultivated five LRDR and they are in Jeli, Relai and Lojing, as well as one nursery in Pasir Mas.

PLANTATION

SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH SDN BHD (SLST)

